

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Lelaki kerugian RM104,310 diperdaya 'phone scam'
Date : 18 August 2026
Section : Tempatan
Page : 8



Lelaki kerugian RM104,310 diperdaya 'phone scam'

Mangsa terperdaya dengan penipuan membabitkan penyamaran sebagai rakannya menerusi aplikasi WhatsApp

KUCHING: Seorang lelaki tempatan berusia 49 tahun kerugian RM104,310 selepas terperdaya dengan penipuan 'phone scam' membabitkan penyamaran sebagai rakannya menerusi aplikasi WhatsApp.

Ketua Polis Daerah Kuching ACP Alexson Naga Chabu berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kes berkenaan pada Sabtu.

Menurutnya, kejadian bermula pada 13 Ogos

ketika mangsa berada di pejabat sebelum menerima mesej menerusi WhatsApp daripada individu yang dipercayai rakannya.

"Mangsa diminta membantu membuat bayaran terlebih dahulu bagi tujuan pembelian barangan yang dibuat.

"Percaya dengan permintaan tersebut, mangsa telah membuat empat transaksi ke tiga akaun bank berbeza antara 13 hingga 15 Ogos 2026, ber-

“Mangsa diminta membantu membuat bayaran terlebih dahulu bagi tujuan pembelian barangan yang dibuat.”

ACP Alexson Naga Chabu
Ketua Polis Daerah Kuching

jumlah RM104,310,” katanya dalam kenyataan kelmari.

Bagaimanapun, pada 15 Ogos, beliau memberitahu mangsa dimaklumkan

rakannya bahawa akaun WhatsApp miliknya dipercayai telah digodam.

Rakannya turut menafikan pernah meminta mangsa membuat transaksi

pembayaran berkenaan.

"Akibat kejadian itu, mangsa mengalami kerugian keseluruhan RM104,310.

"Kes kini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan dengan cara tidak jujur mendorong supaya harta diserahkan.

"Jika sabit kesalahan, seksyen berkenaan mempercayai hukuman penjara tidak kurang satu tahun dan tidak lebih 10 tahun, sebatan dan denda,"

katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai supaya tidak panik dan segera menamatkan panggilan mencurigakan serta tidak memberikan maklumat peribadi atau perbankan kepada pemanggil tidak dikenali.

Beliau turut menasihati orang ramai melakukan semakan terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang pembayaran kepada pihak ketiga serta menyemak

nombor akaun dan telefon mencurigakan melalui portal rasmi Semak Mule PDRM.

"Sebarang pertanyaan atau aduan boleh disalurkan kepada Hotline JSJK Sarawak di talian 011-62890089 atau melalui e-mel kjsjkswk@rmp.gov.my.

"Orang ramai juga boleh menghubungi Hotline 997 National Scam Response Center (NSRC) yang beroperasi 24 jam," tambahnya.